



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Sulaiman Haji Ebi & Johari Bojeng. (1989). Perayaan, Hiburan dan Permainan Melayu Sarawak. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 121-140

PERAYAAN, HIBURAN DAN PERMAINAN MELAYU SARAWAK

Sulaiman Haji Ebi dan Johari Bojeng

Dengan ilmu dan pengetahuan yang agak terbatas untuk tajuk yang tertulis di atas itu, kami cuba seberapa daya yang boleh untuk memaparkan sebanyak sedikit apa yang kami boleh lakukan berhubung dengannya, demi faedah bangsa dan negara.

Kami mengakui bahawa apa yang kami bicarakan di dalam kertas yang ringkas ini tidak begitu kemas dan lengkap. Apa yang kami harapkan ialah bersama-samalah kita membicarakannya agar dapat mencari satu resolusi yang baik yang akan boleh kita gunakan untuk menghadapi zaman yang penuh dengan pancaroba ini.

Kita sama-sama menyedari bahawa perkara yang tertulis itu hampir-hampir hilang bahkan separuh daripadanya tidak nampak lagi kecuali beberapa perkara saja. Jikalau tidak ada usaha untuk mempertahankankainya kemungkinan ia akan pupus.

Masyarakat Melayu hendaklah bangun dan berusaha mencari jalan dan berikhtiar secara bersendirian atau berkumpul untuk menghidupkan semula beberapa jenis permainan, hiburan dan perayaan yang sesuai dengan agama dan masa.

Dengan cara itu masyarakat akan menyayangi dan tertarik dengan permainan dan hiburan yang tidak kegila-gilaan itu. Dengan itu sudah tentu mereka akan teijalin dengan sifat-sifat timur yang sopan.

PERAYAAN, HIBURAN DAN PERMAINAN MELAYU SARAWAK

oleh

Sulaiman Haji Ebi dan Johari Bojeng

PENDAHULUAN

Dengan ilmu dan pengetahuan yang agak terbatas untuk tajuk yang tertulis di atas itu, kami cuba seberapa daya yang boleh untuk memaparkan sebanyak sedikit apa yang kami boleh lakukan berhubung dengannya, demi faedah bangsa dan negara.

Kami mengakui bahawa apa yang kami bicarakan di dalam kertas yang ringkas ini tidak begitu kemas dan lengkap. Apa yang kami harapkan ialah bersama-sama kita membicarakannya agar dapat mencari satu resolusi yang baik yang akan boleh kita gunakan untuk menghadapi zaman yang penuh dengan pancaroba ini.

Kita sama-sama menyedari bahawa perkara yang tertulis itu hampir-hampir hilang bahkan separuh daripadanya tidak nampak lagi kecuali beberapa perkara saja. Jikalau tidak ada usaha untuk mempertahankannya kemungkinan ia akan pupus.

Masyarakat Melayu hendaklah bangun dan berusaha mencari jalan dan berikhtiar secara bersendirian atau berkumpul untuk menghidupkan semula beberapa jenis permainan, hiburan dan perayaan yang sesuai dengan agama dan masa.

Dengan cara itu masyarakat akan menyayangi dan tertarik dengan permainan dan hiburan yang tidak kegila-gilaan itu. Dengan itu sudah tentu mereka akan terjalin dengan sifat-sifat timur yang sopan.

KONSEP MENGHIDUPKAN SEMULA

Sebelum kita membincangkan konsep menghidupkan semula seperti di atas, lebih dahulu kita membincangkan mengapa harus dihidupkan semula? Di dalam keadaan dunia yang sungguh mencabar ini, manusia sudah semesti menghadapinya dengan penuh sabar dan teliti berdasarkan landasan yang sesuai dengan masyarakat itu. Permainan, hiburan dan perayaan orang asing yang tidak sesuai dengan adat orang kita di sini jika diangkat atau diambil oleh orang-orang kita sebagai hiburan dan perayaan mereka, akhirnya akan sebatu juga. Jadi dengan sendirinya permainan mereka itu akan bertukar ganti dengan permainan baru (bagi kita).

Langkah-langkah yang harus kita mulakan sekarang ialah:

- (a) Memajukan, yakni menghidup semula permainan, hiburan dan perayaan yang asli dan sesuai.
- (b) Mengubahsuaikan yang bercanggah dengan agama dan keadaan semasa, tetapi jangan terlalu lari dari keasliannya.
- (c) Mencadang kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan/Belia dan Sukan membuka bengkel dan mencungkil bakat belia kita berhubung dengannya.
- (d) Mengambil seberapa ramai belia kita mengikuti bengkel itu nanti.
- (e) Menggalakkannya dengan cara pertandingan dan sebagainya.
- (f) Pengiklanan di radio, tv, akhbar dan majalah-majalah tempatan.

HIBURAN YANG DIKETAHUI

1. Gendang Melayu Lama/Baru
2. Radat
3. Zapin
4. Konsert (Sandiwara)
5. Bermukun
6. Gendang Pelanduk

PERAYAAN YANG DILIHAT

1. Lumba Perahu
2. Lumba Kuda
3. Menuba Ikan di Sungai Sarawak
4. Pertandingan Hadrah
5. Temasya Pencak Silat
6. Meniti Jolong-Jolong
7. Perayaan Semah Pulau
8. Majlis Perkahwinan
9. Lumba Jong
10. Majlis Berdukun/Berubat

PERMAINAN YANG BIASA DILAKUKAN

Main Dalam

1. Congkak
2. Seremban
3. Berdango
4. Cam-Cam Mek
5. Cong Kerpang
6. Sang-Sang Sut
7. Ya Bandan

Main Luar

1. Sanumbang
2. Luncur di Sungai
3. Main Gonde
4. Main Cendol
5. Kuda Pinang
6. Terompak Tempurung
7. Sabung Manok